

IBNU 'Umar berkata telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, "Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dan diikuti puasa enam hari di bulan Syawal, keluarlah daripada dirinya segala dosanya seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya".
- (Riwayat oleh Imam at-Thabrani)

Selamat Hari Raya Aidilfitri

Maaf zahir & batin

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

JUNJUNG ZIARAH PERKUKUHKAN UKHUWAH ANTARA RAJA, RAKYAT




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman. - Foto : Alishahrin Haji Mumin (Lihat muka 3 hingga 4)

Berita Utama



AIDILFITRI peluang eratkan silaturahmi

Muka 7



LAWATAN memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang keselamatan awam

Muka 8

Berkenan mengalu-alukan keberangkatan tiba YDP Agong Malaysia



Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pagi ini berkenan berangkat ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mengalu-alukan keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar ke negara ini.

>> Muka 2

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar di Istana Nurul Iman.



WARGA tempatan maut dalam kemalangan jalan raya

Muka 18



PUASA enam banyak kelebihan, imbalan mengerjakannya

Muka 22

BERKENAN MENGALU-ALUKAN KEBERANGKATAN TIBA YDP AGONG MALAYSIA



Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Ihsan Balai Kenangan Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Pejabat Kebawah DYMM Istana Nurul Iman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar (atas dan kiri).



>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII (Ke-17), Sultan Ibrahim menadahkan tangan ketika Doa Selamat dibacakan.

Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghoskan Majlis Santap Tengah Hari di Istana Nurul Iman sempena keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVII, Sultan Ibrahim.

Turut sama berangkat ke Majlis Santap Tengah Hari tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Sebelum baginda berdua berangkat dari Istana Nurul Iman ke Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

WAKTU SEMBAHYANG

APRIL MASHI	HARI	SYAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
5	SABTU	6	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38
6	AHAD	7	4.50	5.00	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
7	ISNIN	8	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
8	SELASA	9	4.49	4.59	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	RABU	10	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
10	KHAMIS	11	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38
11	JUMAAT	12	4.47	4.57	6.15	6.38	12.22	3.29	6.28	7.37

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan	33 26 °C	32 25 °C	31 25 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C
Kuala Belait	31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG

5 APRIL 2025

Usaha ke arah meningkatkan ilmu agama

KUNCI kejayaan dalam kehidupan melibatkan keimanan yang teguh kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh itu, sebagai umat Islam kita perlu berusaha untuk meningkatkan ilmu pengetahuan agama dan juga amal soleh kita. Selain itu, kita perlu mengamalkan sifat tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berusaha untuk mencapai bukan sahaja kejayaan duniawi tetapi kejayaan daripada segi kerohanian untuk mengekalkan keseimbangan dalam kehidupan.

Sebagai umat Islam, kepercayaan yang teguh kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan juga kepada ajaran-ajaran Islam yang boleh dipelajari daripada Al-Quran dan hadis dianggap sebagai asas kepada kehidupan yang berjaya dalam Islam. Dalam kita berusaha untuk mendapatkan ilmu dan memperbanyakkan amal soleh kita perlu istiqamah dan banyak bersabar dan tidak mudah putus asa. Kita perlu sentiasa mengingatkan diri kita setiap ilmu agama yang dipelajari dan amal ibadah kita lakukan adalah untuk diri kita dalam mencari keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Agar kita sentiasa bersemangat dalam mencari ilmu dan istiqamah dalam beribadah, kita mesti sentiasa ingat kembali semua usaha sedemikian ialah untuk pertumbuhan dan kejayaan kita sendiri sebagai seorang Muslim.

Kita juga perlu ingat bahawa adalah penting untuk mengamalkan sifat tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala iaitu mempercayai dan yakin akan rancangan Allah Subhanahu Wata'ala untuk kita. Selain itu, jika usaha kita tidak membawa kepada hasil yang diinginkan, walaupun kita telah berusaha sedaya upaya dan berdoa untuk mendapatkannya, percayalah ia adalah bimbingan dan lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Justeru itu, janganlah kita bersedih dan berputus asa apabila merasa gagal. Kita perlu meneruskan usaha-usaha ke arah kebaikan dan percaya setiap apa yang kita gagal untuk mendapatkan akan digantikan dengan sesuatu lebih baik daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Islam menggalakkan individu berusaha untuk berjaya dalam kedua-dua kehidupan dunia dan akhirat dan mencari keseimbangan antara usaha duniawi dan pertumbuhan rohani. Kehidupan yang berjaya dalam Islam melibatkan mencari keseimbangan antara pelbagai aspek kehidupan, termasuk keluarga, pekerjaan dan kesejahteraan diri dan juga untuk menerapkan sifat tanggungjawab dalam diri terhadap tindakan dan keputusan yang kita buat. Semua ini insyaaAllah akan membawa kita kepada kejayaan. Dalam menerapkan sifat tanggungjawab, ini bermakna kita bukan sahaja mengamalkan ajaran Islam dan melakukan ibadah untuk diri sendiri akan tetapi kita juga berusaha untuk menegakkan nilai-nilai Islam. - **Ketua Penyuntingan PB (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قنراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارا برونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Junjung ziarah perkukuhkan ukhuwah antara raja, rakyat



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan kiri).

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 April. - Ribuan pengunjung dari setiap lapisan masyarakat di negara ini tidak melepaskan peluang untuk berkunjung ke Istana Nurul Iman untuk sama-sama memeriahkan Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Kehadiran Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar

'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada hari kedua Istana Nurul Iman dibuka kepada orang ramai, sejumlah 25,721 pengunjung yang mana 17,266 pengunjung hadir pada sebelah pagi dan 8,455 pengunjung hadir pada sebelah petang.

Peluang keemasan ini sememangnya menjadi detik kenangan yang tidak dapat dilupakan bagi para pengunjung

kerana berpeluang untuk merayakan Hari Raya Aidilfitri bersama raja tercinta serta kerabat diraja.

Pada sebelah petang di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima junjung ziarah bagi pengunjung lelaki.

>> Muka 4



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah.



PADA hari kedua Istana Nurul Iman dibuka kepada orang ramai, seramai 8,455 pengunjung hadir pada sebelah petang (atas, atas tengah, kanan, bawah kanan dan bawah).





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah.

>> Muka 3

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menerima junjung ziarah ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha

Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal

Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta kerabat diraja. Di samping kemeriahan Majlis Junjung Ziarah, para pengunjung juga dijemput untuk menikmati beraneka juadah jamuan yang disediakan. Peluang bersemuka dengan Kebawah DYMM serta pengurniaan cenderahati dan kad

ucapan Hari Raya, juga duit raya kepada kanak-kanak tanpa mengira bangsa dan agama, mencerminkan kemurahan hati dan sifat dermawan Kebawah DYMM.

Sepanjang dua hari Istana Nurul Iman dibukakan kepada

orang ramai bagi Majlis Junjung Ziarah ini, seramai 61,888 pengunjung telah sama-sama hadir memeriahkan majlis yang penuh makna ini dan sudah setentunya akan terus menjadi ingatan dan kenangan kepada para pengunjung.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman (atas). Manakala gambar kanan dan gambar-gambar di bawah, sekitar majlis berkenaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda serta adinda baginda berkenan menerima junjung ziarah.



KONGSI KEMERIAHAN AIDILFITRI BERSAMA RAKYAT, PENDUDUK



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Mohammad Hasif Matzin, Hernie Suliana
Haji Othman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja berkenan berangkat ke Majlis Junjung Ziarah bersempena Hari Raya Aidilfitri 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 April. - Suasana sambutan lebaran Aidilfitri menerusi hari terbuka Istana Nurul Iman sempena Hari Raya 1446 Hijrah / 2025 Masihi dimeriahkan dengan kehadiran seramai 17,266 pengunjung pada hari kedua dan terakhir bagi sesi pagi daripada segenap rakyat dan penduduk termasuk pelancong asing yang berada di negara ini.

Majlis Junjung Ziarah yang sudah menjadi tradisi ini ditiadakan dalam beberapa tahun kebelakangan disebabkan oleh penularan wabak COVID-19. Namun, lebaran Aidilfitri 1446H / 2025M di Istana Nurul Iman dibuka kembali dan ia merupakan suatu nikmat Aidilfitri dan kesempatan

untuk mengadap dan junjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja yang lain.

Berangkat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menerima junjung ziarah daripada pengunjung lelaki yang berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri

Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah serta kerabat diraja yang lain.

Sementara turut berangkat pada ruangan lain Istana Nurul Iman bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bagi menerima junjung ziarah bagi pengunjung wanita ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah

Ni'matul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah Faizah binti Dato Haji Nasir serta cucunda-cucunda baginda dan kerabat diraja yang lain.

Suasana ruang pintu utama seawal pagi sudah dikerumuni dengan keramaian pengunjung lebih-lebih lagi pada hari terakhir istana terbuka ini yang jelas menunjukkan keterujaan mereka untuk bersua muka dan bertemu bersama raja kesayangan rakyat berserta kerabat diraja yang lain.

Daripada segi penyelenggaraan logistik, beberapa lokasi berasingan telah disediakan sebagai meeting point bagi bas dan van pengangkutan untuk kemudahan membawa para pengunjung ke Istana Nurul Iman.

>> Muka 6



BERANGKAT pada ruangan lain Istana Nurul Iman bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha bagi menerima junjung ziarah bagi pengunjung wanita ialah anakanda-anakanda baginda (atas kiri), manakala gambar atas kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



SUASANA sambutan lebaran Aidilfitri menerusi hari terbuka Istana Nurul Iman sempena Hari Raya 1446 Hijrah / 2025 Masihi (kiri, atas tengah dan atas kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah daripada para pengunjung (kiri dan kanan).

>> Muka 5

Para pengunjung seterusnya dikehendaki membuat pendaftaran serta diberikan kupon dan sebelumnya mereka terlebih dahulu menjalani pemeriksaan demi mengutamakan kepentingan aspek keselamatan dan kesejahteraan bersama.

Bukan itu sahaja, pengunjung juga hendaklah mengikuti prosedur atau peraturan yang ditetapkan terutama sekali dalam etika berpakaian yang sopan dan kemas sekali gus memperlihatkan dan menambahkan seri Aidilfitri selain ada juga pengunjung yang bukan beragama Islam mengenakan pakaian

kebangsaan kita, iaitu Baju Cara Melayu untuk lelaki dan Baju Kurung untuk perempuan.

Hari Raya Terbuka di istana ini juga menjadi wadah untuk mengeratkan perpaduan dan ukhuwah kerana ada sebahagian mereka secara tidak langsung bertemu sahabat handai dan rakan taulan selain mengabadikan gambar kenangan dengan berlatarbelakangkan suasana indah kerlipan dekorasi berwarna-warni di ruang Istana Nurul Iman.

Kemurahan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga menyediakan

pelbagai jenis sajian dan hidangan yang istimewa termasuk kuih-muih beraneka jenis yang setentunya antara layanan terbaik kepada para pengunjung yang datang tanpa mengira bangsa, latar belakang dan agama.

Setelah selesai sesi junjung ziarah, pengunjung diberikan buah tangan dan ucapan kad Hari Raya Aidilfitri yang memaparkan potret raja dan permaisuri yang amat kita kasahi sementara kurnia duit raya buat pengunjung kanak-kanak.

Ini jelas mencerminkan bahawa kunjungan Hari Raya Terbuka di Istana Nurul Iman bagi orang ramai ini tanda kasih Kebawah

Duli Yang Maha Mulia dan kerabat diraja yang lain untuk sama-sama menikmati anugerah Aidilfitri dan berkongsi rasa kegembiraan dan keceriaan dalam mengimarahkan Syawal yang kita syukuri ini.

Kejayaan kelangsungan hari kedua terbuka ini juga atas kerjasama dan kerja keras para petugas yang bertungkus-lumus dalam menyumbang tenaga khidmat bakti mereka agar Majlis

Junjung Ziarah berjalan lancar dan sempurna.

Ucapan salam Aidilfitri dan *Minal Aidil Wal Faidzin* Kehadapan Majlis Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri berserta kerabat diraja yang lain.

Semoga dilanjutkan usia dan sihat walafiat serta dilimpahi rezeki dan sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala jua.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja berkenan berangkat menerima junjung ziarah (atas dan atas kanan). Manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Junjung Ziarah tersebut (atas kiri), manakala gambar atas kanan, pengunjung diberikan buah tangan dan ucapan kad Hari Raya Aidilfitri.



Aidilfitri peluang eratkan silaturahmi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. – Untuk mengukuhkan lagi hubungan sedia erat antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura dalam suasana kemeriahan Hari Raya Aidilfitri ini serta kesempatan istimewa bagi mempererat silaturahmi persaudaraan dan persahabatan antara kedua-dua buah negara, baru-baru ini, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman menerima kunjungan muhibah Hari Raya Aidilfitri daripada Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri

Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan isteri, Puan Sadiah Shahal. Kunjungan Tuan Yang Terutama Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura dan isteri ke kediaman Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diiringi oleh Menteri Negara (MOS) bagi Kementerian Undang-Undang dan Kementerian Pengangkutan, Tuan Yang Terutama Murali Pillai dan isteri; Datuk Bandar Daerah Tenggara, Fahmi Aliman dan isteri, dan Ahli Parlimen (MP) bagi Kawasan Perwakilan



Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama menerima kunjungan muhibah Hari Raya Aidilfitri daripada Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwal Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan isteri, Puan Sadiah Shahal (atas dan atas kiri).

Berkumpulan (GRC) Pantai Barat, Rachel Ong. Turut serta dalam rombongan berkenaan ialah pegawai-pegawai dari Kedutaan Republik Singapura di NBD diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon dan isteri serta Timbalan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD,

Shaun Grosse dan isteri. Hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin; Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, Ketua Kampung Labu Estate dan Piasau-Piasau, Daerah Temburong dan isteri; Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abdul

Salam, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee dan suami serta Yang Berhormat Awang Lau How Teck dan isteri. Ketibaan rombongan di Daraina 8, Kampung Sungai Besar dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan isteri, Datin Hajah Dayang Nahriah binti Haji Awang Asbi berserta keluarga.

MENILAI POTENSI KESAN TARIF AS TERHADAP EKSPORT NBD

Siaran Akhbar : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 April. - Berikutan pengumuman yang dibuat oleh Amerika Syarikat (AS), baru-baru ini, mengenai tarif asas sebanyak 10 peratus ke atas semua import AS dan

tarif timbal balik sebanyak 24 peratus ke atas eksport Negara Brunei Darussalam (NBD) ke AS, Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan bekerjasama dengan rakan sejawatan AS untuk

mendapatkan penjelasan dan lebih memahami rejim tarif baharu AS tersebut. Dalam masa yang sama, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang menjalankan penilaian tentang potensi kesan rejim tarif terhadap eksport NBD ke AS dan

akan terus terlibat dengan pengeksport-pengeksport yang terjejas. Jumlah perdagangan NBD dengan AS berjumlah BND537.1 juta pada tahun 2024 di mana nilai eksport NBD adalah BND238.7 juta manakala import NBD dari AS ialah

BND298.4 juta. Eksport utama NBD ke AS ialah bahan kimia, bahan api mineral dan mesin serta peralatan pengangkutan, manakala komoditi import utama ialah mesin dan peralatan pengangkutan, pelbagai barangan perkilangan dan bahan kimia.

Sentiasa Mengekalkan Jarak Selamat

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

#YOUandME

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmet and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Pembayaran Dalam Talian : Selamat Atau Bahaya?' Tarikh Tutup : 9 April 2025
- 'Galakkan Belia Ceburi Bidang Pertanian.' Tarikh Tutup : 16 April 2025
- 'Bijak Memanfaatkan Media Sosial.' Tarikh Tutup : 23 April 2025

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75
SETIAP MINGGU
Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

MUFTI KERAJAAN TERIMA KUNJUNGAN MUHIBAH HARI RAYA

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

MULAUT, Rabu, 2 April. - Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, hari ini menerima kunjungan muhibah Hari Raya Aidilfitri daripada Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwat Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan isteri Puan Sadiyah Shahal.

Kunjungan Tuan Yang Terutama ke Rumah Hidayah, iaitu kediaman Yang Berhormat Mufti Kerajaan di Jalan Mulaut, Mukim Sengkurong pada hari ini diiringi oleh Menteri Negara (MOS) bagi Kementerian

Undang-Undang dan Kementerian Pengangkutan, Tuan Yang Terutama Murali Pillai dan isteri; Datuk Bandar Daerah Tenggara, Fahmi Aliman dan isteri; Ahli Parlimen (MP) bagi Kawasan Perwakilan Berkumpulan (GRC) Pantai Barat, Rachel Ong; Timbalan Ketua Pengarah Kementerian Luar Negeri, Dinesh Sathisan; Penolong Pengarah Kementerian Luar Negeri, Ivor Tan; Pegawai Meja Kementerian Luar Negeri, Megan Tan, Pegawai Sokongan Kementerian Luar Negeri, Wong Liang Hood; dua orang pembantu menteri dan jurugambar rasmi Kementerian Luar Negeri.

Turut serta dalam rombongan berkenaan ialah pegawai-pegawai


dari Kedutaan Republik Singapura di Negara Brunei Darussalam (NBD) diketuai oleh Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke NBD, Tuan Yang Terutama Laurence Bay Siow Hon.

Rombongan Menteri Singapura berkenaan telah dialu-alukan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan berserta ahli keluarga.

YANG Berhormat Mufti Kerajaan menerima kunjungan muhibah Hari Raya Aidilfitri daripada Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Menteri Kedua Pendidikan dan Menteri Kedua Ehwat Luar, Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dr. Mohamad Maliki bin Osman dan isteri Puan Sadiyah Shahal.



Lawatan memperkukuh kerjasama dua hala dalam bidang keselamatan awam



DELEGASI bertaraf tinggi dari Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China semasa mengadakan Lawatan Rasmi buat julung kalinya ke agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di Negara Brunei Darussalam (atas dan bawah kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Delegasi bertaraf tinggi dari Kementerian

Keselamatan Awam, Republik Rakyat China telah mengadakan Lawatan Rasmi buat julung kalinya

ke agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Delegasi yang diketuai oleh Vice-Governor of Shanxi Province and Director of the Public Security Department of Shanxi Province, Tuan Yang Terutama Dai Binbin telah berada di negara ini pada 27 hingga 30 Mac 2025 atas jemputan dari Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Delegasi telah mengadakan kunjungan muhibah pada 29 Mac yang lalu bersama Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu.

Perjumpaan ini merupakan kesinambungan daripada hasil mesyuarat dua hala yang diadakan di antara JPM dan Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China pada 9 September 2024 bersempena Persidangan Global Public Security Cooperation Forum 2024 di Lianyungang, Republik Rakyat China.

Semasa perjumpaan bersama Yang Mulia Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-Undang) di

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perdana Menteri

JPM, kedua-dua buah negara telah menzahirkan komitmen untuk menerokai peluang-peluang bagi mengukuhkan lagi kerjasama dua hala dalam bidang keselamatan awam pada masa yang terdekat khususnya berhubung isu-isu kepentingan siber dan penyalahgunaan dan penyeludupan dadah.

Turut hadir pada sesi tersebut, Pemangku Setiausaha Tetap (Sekuriti dan Undang-Undang), JPM, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad.

Pada hari yang sama, delegasi Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China juga telah mengadakan kunjungan bersama Pemangku Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin.

Semasa kunjungan tersebut, pegawai-pegawai kanan dari PPDB dan Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China telah berpeluang untuk membincangkan isu-isu dan trend jenayah yang menarik perhatian agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan di kedua-dua buah negara.

Turut berangkat dan hadir pada

sesi berkenaan, Pemangku Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia SAC Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris. Seterusnya delegasi juga berpeluang untuk mengadakan lawatan ke Muzium PPDB.

Delegasi juga telah mengadakan lawatan ke Pusat Al-Islah di Kampung Kupang, Tutong untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pendekatan yang diambil oleh NBD dalam menangani isu penyalahgunaan dan penagihan dadah.

Semasa berada di Pusat Al-Islah, Tuan Yang Terutama Dai Binbin berserta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China juga telah mengadakan perjumpaan bersama Pengarah Biro Kawalan Narkotik (BKN), Dato Paduka Awang Haji Mohd. Zalani bin Haji Ismail bagi membincangkan peluang-peluang kerjasama di antara Kementerian Keselamatan Awam, Republik Rakyat China dan pihak BKN dalam membanteras isu-isu jenayah yang melibatkan penyeludupan dan penyalahgunaan dadah haram.



Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak



جاينان فرانكفون ايكونومي دان ستاتستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAT PENGESAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Istiqamah melakukan amal ibadah



BERTAKWALAH kita ke hadirat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sesungguhnya bulan Ramadan telah banyak membentuk dan mendidik kita serta memberikan peluang untuk kita merebut pahala berlipat ganda sekali gus meningkatkan keimanan dan ketakwaan.

Jika di bulan Ramadan kita berusaha meningkatkan amal ibadah dengan mengerjakan amalan-amalan sunat seperti Qiamullail, bertadarus atau membaca Al-Quran, bersedekah dan sebagainya maka adalah elok amal ibadah tersebut dilakukan dengan istiqamah iaitu melaksanakannya secara berterusan pada bulan Syawal dan bulan-bulan seterusnya.

Kita hendaklah membina kekuatan dan keazaman untuk terus melaksanakan segala amalan sebagaimana yang telah kita lakukan di sepanjang bulan Ramadan tersebut. Islam amat menganjurkan supaya kita istiqamah dalam melaksanakan segala amalan walaupun sedikit. Amalan yang berterusan ini adalah lebih afdal atau lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali sekala. Daripada Aisyah Radiallahuanha telah berkata ia, telah bersabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam :

Maksudnya : "Sebaik-baik amalan kepada Allah adalah perbuatan yang dikerjakan secara berterusan walaupun sedikit." (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Sesungguhnya kunci kejayaan dalam kehidupan untuk menuju keredaan Allah Subhanahu Wata'ala adalah dengan istiqamah. Orang yang istiqamah dalam beribadah, beramal kebajikan, berakhlak mulia dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi segala larangan-Nya dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala dengan pelbagai ganjaran. Mereka itu meraih kecemerlangan di dunia dan di akhirat. Ini sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam

Surah Fussilat, ayat 30 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang berkata : "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka meneguhkan pendirian maka malaikat akan turun kepada mereka (sambil berkata:) Janganlah kamu takut dan janganlah kamu berdukacita serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu".

Agama kita menuntut umatnya untuk sentiasa istiqamah dalam melakukan amal kebajikan. Oleh itu, apa yang kita amalkan dan kerjakan di sepanjang bulan Ramadan seperti mengerjakan sembahyang - sembahyang sunat, membaca Al-Quran, berzikir, berdoa, beriktikaf, bersedekah dan seumpamanya, semua itu hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat agar kita terus berusaha meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Setelah kita berjuang di bulan Ramadan untuk meraih ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala, maka dengan kita memasuki bulan Syawal dan bulan-bulan lain, janganlah kita melakukan dosa dan maksiat di dalamnya. Ini kerana apabila seseorang itu mengangap ringan akan dosa dan maksiat, ia merupakan antara penyebab lumpuhnya usaha untuk istiqamah memelihara ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Inilah istiqamah yang ditekankan dalam kitab suci Al-Quran, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Hud, ayat 112 :

Tafsirnya : "Maka hendaklah engkau (wahai Nabi Muhammad) sentiasa beristiqamah (tetap teguh di atas jalan yang benar) sebagaimana yang diperintahkan kepadamu dan orang-orang yang bertaubat bersamamu dan janganlah kamu melampaui batas. Sesungguhnya Dia Maha Melihat apa yang kamu kerjakan".

Memandangkan istiqamah itu mempunyai banyak kebaikan, maka beristiqamahlah pada setiap amal ibadah dan amalan yang berkebaikan dan tinggalkanlah perkara-perkara yang keji dan mungkar.

Mudah-mudahan dalam kita beristiqamah dengan melaksanakan ketaatan dengan penuh mujahadah dalam melawan kehendak hawa nafsu akan dapat membentuk diri kita menjadi orang yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ingatlah, orang yang istiqamah akan dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala berada dalam kalangan malaikat membawa rahmat, hati serta kehidupan berada dalam ketenangan serta kebahagiaan, bahkan syurga dijamin baginya dan rezeki dimurahkan serta diluaskan. Semoga kita sentiasa berada dalam ketaatan, keampunan dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Tafsirnya : "Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa." (Surah Ali-Imran, ayat 133)

Jaga adab, tatasusila ziarah tanah perkuburan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Setiap manusia yang bernyawa pasti akan mati kerana itu adalah suatu fitrah dan janji Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak dapat kita elakkan.

Kita yang masih bernafas di muka bumi ini sewajarnya tidak melupakan kepada kaum keluarga, saudara-mara serta teman taulan yang telah pergi meninggalkan kita dan menemui yang Maha Pencipta.

Selain doa, menziarahi kubur mereka juga satu amalan yang dianjurkan oleh Islam terutama kepada kaum lelaki kerana ia dihukumkan sunat menurut ijmak ulama.

Namun, bagi kaum wanita pula terdapat perbezaan pendapat

SELAIN doa, menziarahi kubur mereka juga satu amalan yang dianjurkan oleh Islam terutama kepada kaum lelaki kerana ia dihukumkan sunat menurut ijmak ulama.

dalam kalangan ulama Mazhab Al-Shafi'i iaitu sebahagian mereka berpendapat bahawa makruh bagi kaum wanita menziarahi tanah perkuburan kerana ditakuti mereka hadir dengan *tabarruj* (berhias-hias), menangis, meraung berikutan tidak kuat menanggung kesedihan.

Sebahagian pendapat yang lain menyebut bahawa diharuskan kepada kaum wanita untuk menziarahi tanah perkuburan jika tiada terjadinya fitnah. Ada beberapa adab yang harus kita ketahui antaranya memberi salam sebaik sahaja kita melangkah masuk ke kawasan perkuburan.

Elakkan daripada melangkah atau memijak di atas kubur kerana perbuatan tersebut adalah makruh lantaran ia merupakan satu bentuk penghinaan.

Sebaliknya, jika terpaksa melangkah di atas kubur disebabkan kawasan laluan yang sempit atau tidak ada laluan yang lain kecuali perlu melangkahnya atau tidak menyedari di situ ada kubur, maka hal itu tidak dianggap

makruh.

Apabila penziarah telah berada pada kubur yang hendak diziarahnya itu, sunat baginya mendekati kubur tersebut sekadar dekatnya dia bersama si mati ketika dia masih hidup. Bacalah beberapa ayat Al-Quran ataupun surah yang mudah seperti Surah Yaa Siin atau surah-surah lazim di sisi kubur si mati.

Pahala bacaan Al-Quran itu akan diperoleh oleh si pembaca tetapi si mati akan mendapat rahmat atas bacaan tersebut kerana rahmat Allah akan turun apabila ayat-ayat-Nya dibacakan. Berdoalah buat si mati sebaik sahaja selesai membaca Al-Quran dan menghadiahkan pahala bacaan Al-Quran yang sama kepada roh si mati.

Segala amalan soleh seperti solat, puasa, sedekah, bacaan Surah Al-Fatihah dan sebagainya, jika dihadiahkan pahalanya yang sama buat si mati, maka pahala tersebut akan sampai kepada si mati dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

! IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

STATUS


TIDAK DIPERAKUKAN

! DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

! Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



جنتان حال احوال مسجد
 JABATAN HAL EHWAL MASJID,
 KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada
5 Syawal 1446H/4 April 2025M

Istiqamah Melakukan Amal Ibadah

Islam amat menganjurkan supaya kita istiqamah dalam melaksanakan segala amalan walaupun sedikit


ISTIQAAMAH

- Kunci kejayaan dalam kehidupan untuk menuju keredhaan Allah SWT
- Amalan yang berterusan adalah lebih afdhal/lebih baik daripada melakukan amalan yang banyak tetapi hanya sekali-sekala
- Dijanjikan oleh Allah SWT dengan pelbagai ganjaran dan meraih kecemerlangan di dunia dan di akhirat

APA YANG BOLEH KITA BUAT?

- Apa yang kita amalkan dan kerjakan di sepanjang bulan Ramadhan hendaklah diteruskan dan diamalkan di bulan-bulan yang lain untuk menjadi pembakar semangat agar terus berusaha meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT
- Meninggalkan perkara-perkara yang keji dan mungkar

Bahagian Penyelidikan dan Perkembangan,
 Jabatan Hal Ehwat Masjid,
 Kementerian Hal Ehwat Ugama,
 Negara Brunei Darussalam



JUADAH RAYA TRADISI, MODEN PENYERI LEBARAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Aidilfitri merupakan hari kemenangan umat Islam setelah berjaya menjalani ibadah puasa yang merupakan Rukun Islam yang keempat.

Umat Islam bukan sahaja berpakaian dan berhias cantik malah juadah yang disajikan juga antara tarikan utama selain perhiasan rumah yang tersergam indah.

Hidangan untuk para tetamu sama ada kaum keluarga, sanak saudara mahupun sahabat handai

setentunya disediakan untuk dijamu selera dan yang paling penting mengikut kemampuan tuan rumah itu sendiri.

Kini kita dapat saksikan juadah raya divariasikan dengan pelbagai cita rasa tradisi dan moden namun ia tidak begitu lari jauh daripada tatacara penyediaan rasa kemelayuan contohnya hidangan kelupis atau ketupat yang dimakan bersama masakan daging kari atau rendang dan ada juga dihidangkan bersama daging dendeng ataupun lodoh.

Sudah menjadi trend sekarang bahawa orang kita bertandang raya atas undangan tuan rumah itu sendiri dan tuan rumah menyediakan hidangan kebanyakannya menggunakan khidmat katering atau *live cook* atas dasar memudahkan tuan rumah itu juga.

Ada juga sebilangan kita untuk memilih bagi memasak sendiri bermula daripada penyediaannya sampai kerja-kerja selesai dan ini dipraktikkan bagi mereka yang mempunyai ahli keluarga yang ramai dan terbiasa dengan kelaziman tersebut.

Daripada segi juadah manis pula, orang *kitani* tetap dengan kuih-muih *legend* iaitu Kuih Mor meskipun dengan pelbagai versi namun rasa asli tetap digemari ramai.

Bukan itu sahaja, Kek Tapak Kuda juga tidak kurang hebatnya yang seakan menjadi satu menu wajib dalam setiap rumah yang dikunjungi. Kita juga dapat melihat Kek Tapak Kuda ini juga telah divariasikan dengan pelbagai perisa dalam versi yang mencipta nama ke luar negara terutama sekali negara jiran kita.

Apa pun sahaja menu tradisional dan moden, ia sewajarnya dihidangkan agar warisan menu tradisional ini tidak akan pupus ditelan zaman manakala menu

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said



KEK Tapak Kuda juga tidak kurang hebatnya yang seakan menjadi satu menu wajib dalam setiap rumah yang dikunjungi (atas kiri), manakala gambar atas, hidangan kelupis atau ketupat yang dimakan bersama masakan daging kari atau rendang dan ada juga dihidangkan bersama daging dendeng ataupun lodoh.

moden setentunya akan menepati selera generasi muda masa kini dan paling penting adalah semua

yang kita makan dan hidangkan adalah bersumberkan daripada Halalan Thayyiban.

Rebut peluang berpuasa sunat di bulan Syawal



PUASA sunat enam hari di bulan Syawal disunatkan ke atas orang yang menunaikan puasa penuh pada bulan Ramadan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Setelah menjalani ibadah puasa wajib Ramadan selama sebulan, umat Islam dianjurkan untuk melanjutkannya dengan berpuasa sunat enam hari di bulan Syawal, yang mempunyai keistimewaan ganjaran pahala yang khusus.

Keutamaan orang yang melaksanakan ibadah ini disebut dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Abu Ayyub al-Ansari bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "*Barang siapa berpuasa di bulan Ramadan diikuti puasa enam hari di bulan*

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

Syawal adalah menyerupai puasanya itu puasa setahun".

Berdasarkan hadis ini, sebahagian ulama menjelaskan bahawa orang yang mengerjakan puasa Ramadan sebulan penuh kemudian diikuti dengan puasa enam hari di bulan Syawal akan dikurniakan ganjaran pahala menyamai berpuasa selama setahun kerana setiap kebajikan itu dibalas dengan 10 kali ganda.

Ini berdasarkan firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-An'aam, ayat 160 yang mafhumnya : "*Sesiapa yang membawa kebajikan (pada Hari Kiamat), maka baginya (pahala) 10 kali ganda (daripada amalnya) dan sesiapa yang membawa kejahatan, maka dia tidak akan dibalas melainkan simbang dengan (kejahatan)nya, sedang mereka (sedikit pun) tidak dianiaya".*

Ayat ini menjelaskan, bahawa satu hasanah (pahala kebaikan) akan diganjar sebanyak 10 kali ganda kebaikan, bererti puasa Ramadan selama satu bulan

seumpama puasa 10 bulan, iaitu 30 hari pada bulan Ramadan diganjar sebanyak 300 hari.

Manakala puasa enam hari di bulan Syawal pula diganjar 60 hari. Jika dikira jumlahnya ialah 360 hari, ia hampir menyamai jumlah hari di dalam setahun sebanyak 360 hari.

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal disunatkan ke atas orang yang menunaikan puasa penuh pada bulan Ramadan. Puasa Sunat Enam hari di bulan Syawal juga disunatkan ke atas orang yang tidak berpuasa penuh pada bulan Ramadan kerana keuzuran yang diharuskan oleh syarak seperti sakit.

Manakala orang yang tidak menunaikan puasa Ramadan dengan sengaja tanpa keuzuran yang diharuskan oleh syarak, haram baginya melakukan puasa sunat enam hari di bulan Syawal melainkan setelah dia selesai mengqada puasa Ramadan kerana puasa Ramadan yang ditinggalkan dengan sengaja wajib diqada dengan segera.

Puasa sunat enam hari di bulan Syawal boleh dikerjakan bermula 2 Syawal kerana 1 Syawal merupakan Hari Raya Aidilfitri dan kita adalah dilarang berpuasa pada hari tersebut.

Puasa ini lebih afdal dikerjakan secara berturut-turut tetapi juga dibolehkan berpuasa secara berselang-seli atau pada bila-bila masa dalam bulan Syawal. Amalan berpuasa enam pada bulan Syawal merupakan peluang terbaik untuk kita menambah pahala amalan selepas Ramadan berakhir.

Di samping membawa pelbagai keberkatan, puasa enam adalah salah satu cara untuk mengekalkan momentum ketakwaan yang diperoleh semasa bulan Ramadan, selain membersihkan diri daripada dosa serta mengikut sunnah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Oleh itu, marilah kita sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan amalan berpuasa enam pada bulan Syawal ini untuk meraih keberkatan dan meningkatkan lagi pahala serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

ADAKAH PROFIL PSCR 2.0 AWDA LENGKAP DAN TERATUR?

100%

BARU

PANDUAN LATAR BELAKANG PENDIDIKAN

- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Diploma / Ijazah Sarjana Muda / Ijazah Sarjana / PHD atau sebanding (bidang Major atau Minor dimestikan teratur)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
PMB / GCE 'O' LEVEL / GCE 'A' LEVEL atau sijil / kelulusan sebanding
- ✓ Tamat Persekolahan bagi pemohon yang menamatkan pelajaran di peringkat menengah sahaja

PANDUAN MUATNAIK DOKUMEN

- ✓ Maklumat Peribadi
Kad Pengenal / Pasport / Gambar Terkini
- ✓ Maklumat Lesen Memandu
- ✓ Kelulusan Pendidikan Tinggi
Sijil / Transkrip (dimestikan dimuatnaik) / MKPK (jika dari Institusi Swasta / Luar Negeri)
- ✓ Kelulusan Pendidikan Menengah
- ✓ Tamat Persekolahan (Sijil berhenti Sekolah)

PANDUAN PENGALAMAN KERJA

- ✓ Pengalaman Kerja Kerajaan
menandakan "x" pada jawatan sekarang / prestasi 3 tahun kebelakangan / pengesahan profil pegawai kakitangan kerajaan / tempoh kerja yang teratur / tarikh mula dalam tangga gaji / tangga gaji / nama jawatan yang betul
- ✓ Pengalaman Kerja Swasta
- ✓ Pengalaman Kerja Beruniform
- ✓ Pengalaman Bekerja Sendiri
- ✓ Penempatan Kerja
- ✓ Tidak Bekerja

PANDUAN KEMAHIRAN DAN KELAYAKAN PROFESIONAL

- ✓ Kelayakan Profesional
- ✓ Peperiksaan Kesetiausahaan
- ✓ Kemahiran Bahasa
- ✓ Lain-Lain Kemahiran

PANDUAN PEPERIKSAAN DAN KURSUS

- ✓ Peperiksaan Kerajaan
- ✓ Kursus Yang Dihadiri (Kerajaan/Swasta)
- ✓ Kursus Induksi Perkhidmatan Awam
- ✓ Kursus Perkhidmatan Awam (IPA)
- ✓ Program Pembangunan Eksekutif

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحْنَا وَبِاللَّهِ آخَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبْرُوتِ. وَأَعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفَيْكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِي السَّمٰوٰتِ وَمَا فِي الْاَرْضِ مَن ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَئُوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِيُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنَحَّلَ بِهٖ الْعُقْدَ، وَتَنَفَّرِحَ بِهٖ الْكُرْبَ، وَتَقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجَ، وَتُنَالُ بِهٖ الرَّغَائِبَ وَحُسْنُ الْحَوَاتِمَ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّيْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذَنْبِيْ، فَاَعْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Peringatan :
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

Maksudnya :
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

Maksudnya :
"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن يغ مباوا كبراونتوغن ساعت بسر كقد فثعملن (تولق بلاء)

(3) بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

(2) اَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakan rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

(1) حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

(5) يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharap pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahaminya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

(4) وَاُفْوِضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.



IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (perwakilan / gambar serta saiz / bilang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (sah, tandatangan dan pengesahan Pihak Kelengkapan Pengambilan Kelulusan (PKPK) yang berkaitan)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Selarung" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (sah sahaja / peribatan / peribatan Perkhidmatan Awam / sah sahaja / kelulusan profesional dan lain-lain yang dipersetujui di dalam skim iklan)

+673 7371961 PSC.BN qary@spa.gov.bn

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENYELENGGARA STOR TINGKAT II D.2 EB.3-4 (BAHAGIAN IV) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/MAR/05/JJK	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	06	7(A)	09 APRIL 2025
2. JURUUKUR BAHAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK 2025/MAR/05/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7 (A)	09 APRIL 2025
3. PENGAWAS TINGKAT II D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV) JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN 2025/MAR/04/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7 (A)	09 APRIL 2025
4. PENOLONG PEGAWAI KERJA TINGKAT II C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/MAR/02/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	02	7(A)	09 APRIL 2025
5. PENGAWAS DEWAN SUKAN C.1 EB.2 (BAHAGIAN III) KEMENTERIAN KESIHATAN 2025/MAR/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	09 APRIL 2025
6. PEGAWAI PENDAFTARAN KEBANGSAAN KANAN C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN 2025/MAR/06/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	09 APRIL 2025
7. PEGAWAI BANDARAN B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) LEMBAGA BANDARAN TUTONG 2025/MAR/01/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	09 APRIL 2025 TARIKH TUTUP IKLAN DITAMBAH
8. PENOLONG PENYUNTING TINGKAT III D.3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA 2025/MAR/06/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	12 APRIL 2025
9. PENYELENGGARA STOR TINGKAT III E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/MAR/02/JJK	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	02	7(A)	12 APRIL 2025
10. PENYELENGGARA STOR TINGKAT KHAS C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) JABATAN-JABATAN KERAJAAN 2025/MAR/06/JJK	KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI	01	7(A)	12 APRIL 2025
11. JURUTERA B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK 2025/MAR/06/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	12 APRIL 2025
12. PEMBANTU PERHUTANAN D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) JABATAN PERHUTANAN 2025/MAR/01/KSSUP	KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	06	7(A)	12 APRIL 2025
13. PEMAIN MUZIK D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV) KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN 2025/MAR/05/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	12 APRIL 2025
14. PENGAWAS KECIL E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN 2025/MAR/05/KHDN	KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	7(A)	12 APRIL 2025
15. MANDUR F.2-3-4 EB.5 (BAHAGIAN V) KEMENTERIAN PEMBANGUNAN 2025/MAR/04/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	11	7(A)	12 APRIL 2025
16. PEGAWAI BALAI (BAHAGIAN IV) JABATAN PENERBANGAN AWAM 2025/MAR/02/KPI	KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI	02	38(B)	12 APRIL 2025

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKILANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) GAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 011 / 2025

Tajuk Tawaran:
Protection Grading And Coordination Studies For 11kv Networks Of The Selective 66/11kv Zone Substation In Belait District

Tarikh Tutup:
6 Mei 2025, Selasa, Jam 2.00 Petang.

Tempat Tutup :
Tender Box Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913, Negara Brunei Darussalam.



Iklan Tarikh Lanjutan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Supply, Install, Testing And Commissioning Of Integrated Services Digital Network (ISDN) At Department Of Civil Aviation ATELS / 2025 / SH-02

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
5 Mac 2025. Rabu.

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
15 April 2025. Selasa.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
16 April 2025. Rabu. Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerbangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam

Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 005 / 2025

Tajuk:
Penanaman Tiang 28ft/35ft & Pemasangan Kabel Voltan Rendah Bagi Daerah Brunei-Muara Untuk 3 Tahun

Tarikh Tutup:
22 April 2025. Selasa, Jam 2.00 Petang.

Harga Dokumen:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
"Tender Box" Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri Bangunan Jabatan Perdana Menteri, Bandar Seri Begawan, BB3913 Negara Brunei Darussalam.



Sebut Harga Bagi Membekal, Memasang, Menguji Dan Menguruskan 5 Unit 'Speed Monitoring Devices' Bagi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya, Kementerian Pengangkutan Dan Infokomunikasi

Rujuka Sebut Harga:
TSD / MTIC / 2025/01

Tarikh Tutup:
Rabu, 16 April 2025.



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

Bilangan Sebut Harga:
KHEU / JPI / JKS / 22 / 2024-2025

Keterangan:

Membekal Dan Menghantar Plak Bagi Majlis Penghargaan Pelajar Cemerlang Peperiksaan Bersijil SPUB Dan O 'Level', Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Rimba, Negara Brunei Darussalam, Tahun 1446H / 2024M

Bayaran Yuran Tawaran
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 9 Zulkaedah 1446H / 7 Mei 2025M. Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

Bilangan Tawaran:
JDT / KPD / 02 / 2025 – 2026

Tajuk Tawaran:
Kerja-kerja Pematangan Rumput di Kawasan Helipad, Kawasan Padang Futsal Berdekatan Dewan Utama, Kawasan Luar Rumah Rasmi Pegawai Daerah dan Kawasan Padang Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
Isnin, 7 April 2025. Jam 2.00 Petang.





**MAHKAMAH BESAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam
Di Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 469 / 2016

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang – Kasum Binti Haji Shamsuddin (BYIC NO. 00-112631) **Alamat** – No. 469, Kg Bukok, Jalan Pandaruan / Temada, Temburong PE1951, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 469 Tahun 2016 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 27 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila Kena Dibayar** – 18 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
27 Februari 2025

Kes No.
BCY / CP / 290 / 2014

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang – Julianey Binti Haji Morney – **Penghutang Penghakiman Kedua** (BYIC NO.: 00-283770) **Alamat** – No. 93A, Rumah Guru Sekolah Rendah Sultan Umar Ali Saifuddin (SUAS), Jalan Pekan Muara, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 290 Tahun 2014 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 29 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila Kena Dibayar** – 17 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
4 Mac 2025

**Muhammad Syafiq Bin
Awang Hj Zakaria
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam**

Kes No.
BCY / CP / 404 / 2008

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Hajjah Binti Mohd Salleh @ Azizah (BYIC NO. 00-056076) **Alamat** – No. 66, Simpang 70, Jalan Jaya Indera STKRJ Mumong, KA1531, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 404 Tahun 2008 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 8 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila Kena Dibayar** – 5 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** –

Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
11 Februari 2025

**Nuuror-Raheebah Haji Abd Wahab
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam**

Kes No.
BCY / CP / 124 / 2020

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Pertama**

Nama Penghutang - Mohammad Shahrin Bin Yunos (BYIC NO. 00-287689) **Alamat** – No. 24, Simpang 9, Jalan Paya Belambang, RPN Bukit Beruang, Tutong, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 124 Tahun 2020 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 37 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Pertama **Bila Kena Dibayar** – 4 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
20 Februari 2025

**Nurul Hidayah Binti Hamdan
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam**

Kes No.
BCY / CP / 259 / 2013

**Notis Mengenai Pembayaran
Komposisi Kedua**

Nama Penghutang - Mohammad Azli Bin Md Jaya (BYIC NO.: 00-269290) **Alamat** – No. 29, Jalan Bukit Beruang, Tutong TC3345, Negara Brunei Darussalam **Mahkamah** – Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam **Nombor** – Kebankrapan Bil. 259 Tahun 2013 **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit** – 89 % **Pertama atau terakhir selainnya** – Kedua **Bila Kena Dibayar** – 17 Februari 2025 **Di Mana Kena Bayar** – Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh:
4 Mac 2025

**Mohammad Marzuqi Bin Sabtu
Timbalan Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar
Brunei Darussalam**

Kes No.
BCY / CP / 120 / 2024

Bank Islam Brunei Darussalam Berhad

Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Abdulrahman Bin Abdullah
BYIC No. 00-280682
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **19 Oktober 2024**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Abdulrahman Bin Abdullah
No. 27, Simpang 255-41,
Jalan Sungai Tilong,
Kampung Sungai Tilong, BK1725,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen:
20 Ogos 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
6 Mac 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **19 Oktober 2024**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 7 April 2025 jam 11.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **7 April 2025 jam 11.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
6 Mac 2025

Kes No.
BCY / CP / 123 / 2024

Baiduri Finance Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Mohammad Sufrizan Bin Haji Serudin
BYIC No. 00-283989
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah

dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Januari 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Mohammad Sufrizan Bin Haji Serudin
No. 3, Simpang 55,
Jalan Sungai Cerana,
RPN Kampung Panchor
Mengkubau,
Mentiri BU3129,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen:
25 Jun 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
6 Mac 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Januari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 9 April 2025 jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **9 April 2025 jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
6 Mac 2025

Kes No.
BCY / CP / 125 / 2024

Baiduri Finance Berhad
Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

Haji Adanan Bin Haji Md Zin
BYIC No. 00-259097
Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Januari 2025**.

Nama dan alamat terakhir diketahui:

Haji Adanan Bin Haji Md Zin
No. 8, Simpang 415-49,
Jalan Wasai Limuru Barat,
RPN Kampung Tanah Jambu,
BU1129,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petyisyen:
29 Jun 2024

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut diatas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut diatas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.**

Bertarikh:
6 Mac 2025

Notis Kepada Pemiutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Januari 2025**.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara diatas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-9), Mahkamah Besar pada 14 April 2025 jam 10.30 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserahkan-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **14 April 2025 jam 10.30 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh:
6 Mac 2025

**Fatin Fikriyah Binti Haji Rosli
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar**

KETAHUI SUMBER GARAM ANDA



کمنتین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

**GARAM TERDIRI
DARI 40% SODIUM**



1 Pilih makanan segar dan tidak berproses

2 Pilih produk makanan yang berlabel pilihan lebih sihat



3 Pilih produk makanan kurang / rendah / tanpa garam

4 Kurangkan pengambilan sup dan kuah yang masin

5 Elakkan makanan terlalu masin: ikan masin, telur masin, asam samboi dan pelbagai jenis jeruk

JUMLAH SODIUM DALAM SATU HIDANGAN

1385 mg



1 bungkus
Mee Segera

1000 mg



Sebiji
Telur Masin

880 mg



1 sudu makan
Kicap

376 mg



3 sudu makan
Corned Beef

295 mg



1 bungkus kecil
Keropok Ubi Kentang

243 mg



1 bungkus kecil
Keropok Udang
Tempatan

120 mg



1 cawan
Kentang Goreng

116 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Salted)

15 mg



3 keping
Kraker Beras

2.4 mg



1/2 cawan
Amping

1.7 mg



Segenggam
Kacang Tanah (Unsalted)

1.2 mg



Sebiji ukuran sederhana
Pisang

Bagi mengekalkan kesihatan yang baik, adalah disyorkan untuk mengambil kurang dari satu sudu teh garam (5 gram garam atau 2000 miligram sodium) sehari

Pengambilan garam yang berlebihan boleh menyebabkan penyakit darah tinggi, meningkatkan risiko awda menghidap penyakit jantung dan strok



 hpcbrunei

 Health Promotion Centre

 Talian Darussalam 123

HAYATI HARI RAYA AIDILFITRI DENGAN PENUH MAKNA, KEINSAFAN

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Hari Raya Aidilfitri merupakan saat yang paling ditunggu-tunggu dan ia bukan hanya sekadar perayaan biasa tetapi ia merupakan Hari Kemenangan bagi umat Islam di seluruh negara.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri juga merupakan simbol kesyukuran dan perpaduan dalam mengeratkan hubungan sesama umat Islam dan masyarakat amnya.

Hari Raya Aidilfitri sering dikaitkan dengan tema kemenangan, bukan sahaja daripada segi fizikal tetapi juga rohani. Antara kemenangan awal yang diraih iaitu berjaya mengawal diri daripada nafsu, seperti makan, minum selama sebulan di bulan Ramadan dan umat Islam merayakan kejayaan ini dengan penuh rasa syukur di bulan Syawal.

Hari Raya juga mengajar kita mengenai kemenangan dalam membina perpaduan untuk menyatukan hati, merapatkan hubungan keluarga dan masyarakat kerana pada hari tersebut, umat Islam saling bermaaf-maafan, memperbaharui

HARI Raya juga mengajar kita mengenai kemenangan dalam membina perpaduan untuk menyatukan hati, merapatkan hubungan keluarga dan masyarakat.

hubungan serta menghargai keluarga yang mencerminkan kemenangan dalam mengatasi perasaan buruk atau perselisihan. Selain itu, Hari Raya Aidilfitri juga waktu untuk kita memperbaiki kesilapan diri sendiri serta berusaha menjadi individu yang lebih baik dan ini merupakan lambang kemenangan peribadi dalam memperbaiki diri untuk menjadi lebih takwa dan beriman. Seiring dengan semua makna tersebut, Hari Raya Aidilfitri bukan hanya hari untuk bergembira, tetapi juga untuk menghayati erti sebenar kemenangan baik daripada segi rohani, sosial dan kemanusiaan. Hayatilah Hari Raya Aidilfitri dengan penuh makna dan keinsafan agar kita lebih menghargai nikmat kehidupan serta beroleh keberkatan dan rahmat dari-Nya.



Hadkan menggunakan media sosial semasa berkunjung

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 April. - Hari Raya Aidilfitri bukan sekadar hari kemenangan setelah sebulan berpuasa, tetapi juga menjadi waktu terbaik untuk menjalin dan mengeratkan silaturahmi.

Namun, pada zaman yang serba moden dan canggih ini, sesetengah masyarakat semakin banyak meluangkan masa dengan menggunakan media sosial semasa berkunjung ke rumah sanak saudara atau rakan-rakan.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Sayed Al-Rahman bin Sayed Sofri, 18 tahun, dari Lumut, antara lain mengongsikan, penggunaan media sosial perlu dikurangkan semasa berkunjung ke rumah-rumah pada musim perayaan ini kerana ia membantu kita lebih fokus kepada hubungan sebenar dan menikmati momen terindah bersama orang tersayang.

"Hari Raya adalah waktu untuk berkumpul, berbual, dan mengeratkan hubungan. Jika terlalu sibuk dengan media sosial, kita mungkin terlepas peluang untuk berinteraksi secara bermakna dengan keluarga," ujarnya lagi.

Tambahnya, Hari Raya juga adalah masa untuk kita lebih mengenali satu sama lain kerana walaupun kita sebuah keluarga, ada keluarga yang tidak selalunya akrab atau jarang bertemu.

Pada musim perayaan yang diadakan sekali setahun ini menurutnya lagi, ia adalah masa

dan peluang terbaik untuk kita berbaik-baik serta saling bermaafan antara satu sama lain.

Tanpa gangguan media sosial jelasnya, kita dapat benar-benar menikmati suasana Hari Raya, daripada ketawa bersama, menikmati makanan, hingga berkongsi cerita lama bersama sahabat handai dan saudara-mara.

"Hari Raya bukan sekadar tentang berkongsi di media sosial, tetapi juga tentang menghidupkan nilai murni seperti hormat-menghormati, bermaaf-maafan, dan mengeratkan silaturahmi.

Luangkanlah masa yang berkualiti dengan satu sama lain sebelum mereka tidak bersama kita," jelasnya lagi.

Oleh itu, antara cara-cara untuk mengurangkan penggunaan media sosial semasa berkunjung ke rumah-rumah di Hari Raya ini ialah dengan hanya memfokuskan kepada perbualan dengan ahli keluarga dan rakan-rakan, di

samping membuat pelbagai aktiviti menarik seperti bermain permainan tradisional, memasak, atau bergambar tanpa segera memuat naik ke media sosial.

Jika perlu menggunakan media sosial, kita perlu tetapkan had atau masa penggunaannya. Sebagai contoh, hanya untuk memuat naik satu atau dua gambar dan kemudian kembali menikmati suasana Hari Raya. Selain itu, hanya gunakan masa tertentu sahaja, seperti sebelum tidur atau selepas majlis selesai.

Di samping itu, ajak keluarga dan rakan untuk sama-sama mengurangkan penggunaan media sosial dengan mencabar satu sama lain, siapa yang paling lama tidak memegang telefon boleh dapat hadiah, dan bantu ingatkan satu sama lain apabila ada yang terlalu leka dengan skrin.

Dengan cara ini, suasana Hari Raya akan lebih bermakna kerana anda benar-benar hadir dalam momen tersebut.



PENGGUNAAN media sosial perlu dikurangkan semasa berkunjung ke rumah-rumah pada musim perayaan ini kerana ia membantu kita lebih fokus kepada hubungan sebenar dan menikmati momen terindah bersama orang tersayang.

●●●●●○

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather
 @brunei.weather
 Weather Line 114
 www.met.gov.bn

●●●●●○

ELAKKAN MEMANDU DI LORONG KANAN

Kenderaan lain yang datang dari arah berlawanan mungkin akan melanggar lopak air lalu ia akan menyebabkan air terpercik memenuhi cermin hadapan kereta dan menghalang penglihatan anda

bruneiweather
 @brunei.weather
 Weather Line 114
 www.met.gov.bn

SYAWAL DI PERANTAUAN TETAP MERIAH



DAYANG Siti Bazilah binti Haji Mohd. Fadzillah, 18 tahun, mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Terapi Peraturan dan Bahasa (BMedSci Speech and Language Therapy) di University of Sheffield (empat dari kanan).

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 April. - Suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri di luar negara khususnya mahasiswa dan mahasiswi yang melanjutkan pelajaran, pastinya memberikan pengalaman berbeza berbanding di tanah air sendiri.

Menyambut Aidilfitri di perantauan apatah lagi berada jauh dari keluarga setentunya membuatkan mereka berasa rindu akan kampung halaman, keluarga dan saudara-mara terdekat.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, mahasiswi Bachelor of Occupational Therapy, Monash University, Melbourne, Australia, Dayang Umiyatul Hadifah@Umie Hadifa binti Merun, 19 tahun, mengongsikan, walaupun berada jauh daripada keluarga, namun dengan adanya kemudahan teknologi pada masa kini, beliau dapat berhubung dengan keluarga melalui *video call*.

Selain itu tambahnya, sebagai seorang mahasiswi di luar negara juga mengajar beliau untuk memasak makanan tradisi di rumah sendiri, di samping bersilaturahmi bersama rakan-rakan Brunei yang lain.

Jelasnya lagi, antara masakan tradisi yang dihidangkan termasuk daging rendang, dan kuih-muih yang senang dibuat sendiri seperti kek batik, selain makanan yang dibeli di sana seperti kacang jagus, dan biskut bangkit.

Tambahnya, rakan-rakan serumah yang bukan beragama Islam juga sama-sama merayakan Hari Raya dengan menghias rumah

dan makan makanan tradisi Brunei bersama mereka.

"Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada seluruh umat Islam, terutama sekali ahli keluarga, saudara-mara dan rakan-rakan yang berada di Brunei Darussalam. Mohon maaf zahir dan batin dari saya yang berada di Melbourne, Australia," tambahnya semasa mengakhiri temu bual tersebut.

Sementara itu, mahasiswi jurusan Usuluddin di Universiti al-Azhar, Mesir, Dayang Balqis Syahirah binti Haji Rolzaman, 19 tahun, ketika ditemui mengongsikan suasana beraya di Mesir sama seperti di Brunei namun kemeriahannya kurang sedikit kerana ini adalah raya kali pertama tanpa keluarga.

"Namun Alhamdulillah dengan kehadiran kawan-kawan yang dianggap sebagai keluarga di Mesir, kami masih menyambut hari raya dengan sangat gembira dan penuh tawa," jelasnya lagi.

Menyentuh mengenai kuih-muih yang dihidangkan terangnya, antara kuih-muih Mesir yang dihidangkan adalah Kunafa Asawer dan kebanyakannya adalah kuih-muih yang sama dihidangkan seperti di negara Brunei seperti kek batik dan Kuih Mor untuk menghadirkan suasana beraya seperti di Brunei.

Menurutnya lagi, kawan-kawan yang bukan beragama Islam juga akan datang sekiranya dijemput hadir ke rumah terbuka untuk sama-sama memeriahkan lagi hari kemenangan Muslimin di sini.

"Selamat Hari Raya saya



DAYANG Umiyatul Hadifah@Umie Hadifa binti Merun, 19 tahun, mahasiswi Bachelor of Occupational Therapy, Monash University, Melbourne, Australia (tiga dari kiri).

ucapkan kepada semua yang berada di Brunei terutama sekali kepada keluarga saya yang tersayang. Semoga raya tahun ini dapat mengeratkan lagi silaturahmi di antara kita. Maaf zahir dan batin. *Kullu 'am wa antum bikhair,*" ujarnya lagi.

Bagi mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Sains Perubatan Terapi Peraturan dan Bahasa (BMedSci Speech and Language Therapy) di University of Sheffield, Dayang Siti Bazilah binti Haji Mohd. Fadzillah, 18 tahun, mengongsikan berhari

raya di perantauan, terutama di Sheffield, memberikan pengalaman yang berbeza dengan suasana yang lebih sederhana kerana jauh dari keluarga dan tradisi yang biasa dirasai.

Namun tambahnya, komuniti Brusheff sedang berusaha menghidupkan kemeriahan dengan mengadakan acara Takbir Raya dan mengadakan rumah terbuka kecil-kecilan.

Menurutnya lagi, Solat Sunat Aidilfitri juga dibuat bersama komuniti Muslim lain di Sheffield,

selain itu juga, biasanya diadakan di taman terbuka, mencipta suasana ukhuwah yang istimewa.

Perasaan rindu kampung halaman memang ada jelasnya, tetapi semangat kekeluargaan antara pelajar Brunei dan masyarakat Muslim lain di sini sedikit sebanyak mengubat kerinduan.

Tambahnya, antara hidangan termasuk ketupat, daging rendang, kek batik, serta kuih-muih yang dihantar oleh keluarga dari Brunei, seperti Kuih Mor dan popia.

Walaupun tidak semeriah seperti di Brunei katanya, usaha untuk mengekalkan cita rasa kampung halaman tetap ada.

Raka-rakan yang bukan beragama Islam juga jelasnya, ramai yang datang untuk menikmati makanan dan merasai suasana Hari Raya, sekali gus mengeratkan hubungan serta memperkenalkan budaya Brunei kepada mereka.

"Bagi pihak BruSheff, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri maaf zahir dan batin kepada seluruh ahli keluarga, rakan-rakan, guru-guru dan semua kenalan.

Saya berharap agar kami semua merayakan raya yang penuh keberkatan dan kegembiraan, tidak kira di mana pun kami berada, di Negara Brunei Darussalam atau di perantauan," ujarnya lagi.



DAYANG Balqis Syahirah binti Haji Rolzaman, 19 tahun, mahasiswi jurusan Usuluddin di Universiti al-Azhar, Mesir (dua dari kiri).

Warga tempatan maut dalam kemalangan jalan raya

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengesahkan berlakunya satu kejadian kemalangan jalan raya yang telah meragut nyawa seorang lelaki warga tempatan.

Sepertimana yang telah dilaporkan melalui Talian Kecemasan 993, kejadian kemalangan tersebut telah berlaku berdekatan kawasan lampu trafik Jalan Kota Batu, Kampung Mentiri pada 2 April 2025, pukul 8.36 pagi.

Hasil daripada siasatan awal di tempat kejadian mendapati bahawa kemalangan ini telah melibatkan sebuah kenderaan lori tangki air dan lima buah kenderaan peribadi.

Seorang lelaki tempatan berumur 34 tahun iaitu pemandu kepada lori tangki air yang terbabit

telah meninggal dunia daripada kecederaan yang dialami berikutan dengan kemalangan tersebut.

Hasil siasatan awal, pihak PPDB mengesyaki bahawa lori tersebut mengalami kerosakan pada brek sehingga menyebabkan pemandu tidak dapat memberhentikan lori dengan selamat. Walau bagaimanapun, Pihak PPDB masih menjalankan siasatan bagi mengesahkan punca sebenar kemalangan.

Di kesempatan ini, PPDB menegaskan kepada orang ramai terutama pengguna-pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati semasa memandu, menitikberatkan aspek keselamatan seperti memastikan kenderaan tidak mengalami apa-apa kerosakan yang boleh membahayakan pemandu, penumpang dan pengguna-pengguna jalan raya yang lain.



HASIL daripada siasatan awal di tempat kejadian mendapati bahawa kemalangan ini telah melibatkan sebuah kenderaan lori tangki air dan lima buah kenderaan peribadi.

BERBELANJA IKUT KEMAMPUAN, KEPERLUAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman, Ihsan Dayang Hajah Dahliati
Haji Abdul Latiff

TUTONG, Rabu, 2 April. – Dalam menyambut Hari Raya Aidilfitri ini, kita digalakkan untuk bersederhana dan sentiasa bersyukur dengan apa adanya.

Sambutlah hari kemenangan setelah sebulan berpuasa di bulan Ramadan dengan cara sederhana dan berhemah serta jangan terlalu mengikut kata hati dan nafsu sehingga berbelanja lebih daripada kemampuan dan menyusahkan diri sendiri.

Janganlah dijadikan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang penuh bermakna ini untuk bermegah-megah sehingga berlakunya pembaziran dan menjadikan kita bersifat riyak.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman sepertimana terjemahan makna ayat 26 dalam Surah Al-Israa', iaitu : "Dan berikanlah kaum kerabat haknya (kebaikan dan hubungan silaturahim) dan begitu juga orang miskin serta orang musafir (yang terputus perbelanjaannya iaitu zakat dan sedekah) dan janganlah engkau

membazir (membelanjakan hartamu, pada jalan yang menyalahi syarak)".

Berkaitan dengan ini, Pelita Brunei menemu bual salah seorang individu mengenai pandangan mereka tentang 'Bersederhana Dalam Menyambut Hari Raya, Bersyukur Dengan Apa Yang Ada'.

Menurut Timbalan Yang Dipertua Persatuan Gerakan Ibu Tunggal (PGIT), Dayang Hajah Dahliati binti Haji Abdul Latiff, amalan bersederhana menyambut raya itu perlu diterapkan kepada diri sendiri dan keluarga khususnya serta kepada masyarakat amnya terlebih lagi dalam mengatur perbelanjaan Hari Raya sebelum adanya nanti berlakunya pembaziran sedangkan kita masih memerlukan bajet seterusnya selepas Hari Raya.

Tambahnya, kita juga hendaklah belajar bersyukur dengan apa yang ada kerana nikmat syukur itu yang selalu memberikan kita rasa kecukupan.



DALAM menyambut Hari Raya Aidilfitri ini, kita digalakkan untuk bersederhana dan sentiasa bersyukur dengan apa adanya.

Kelancaran rumah terbuka perlu kerjasama erat semua ahli keluarga

Berita dan Foto : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 April. - Rumah terbuka Hari Raya sememangnya tradisi istimewa yang sering ditunggu-tunggu setiap perayaan Aidilfitri. Inilah masanya untuk keluarga dan rakan-rakan berkumpul untuk merayakan kegembiraan dan kasih sayang.

Rumah terbuka yang meriah sudah tentu dijayakan oleh semua ahli keluarga.

Oleh itu, pembahagian tugas

kepada setiap ahli keluarga agar majlis lebih teratur adalah penting.

Antara tugas penting di hari rumah terbuka adalah menyediakan makanan, mengalu-alukan kedatangan tetamu dan sentiasa menjaga kebersihan rumah.

Rumah terbuka selalunya akan dibuat pada hujung minggu. Jadi pastikan untuk memilih minggu yang sesuai dan memudahkan

tetamu untuk hadir.

Walaupun raya sebulan, kalau boleh elakkan daripada memilih tarikh yang terlalu lewat.

Selain itu, buat senarai tetamu yang akan dijemput ke rumah terbuka kerana ia adalah perkara penting untuk memastikan perjalanan majlis menjadi lebih lancar.

Dengan senarai yang ada, kita dapat membuat anggaran untuk makanan, kerusi, kanopi dan pelbagai barangan penting lain.

Tiada jumlah tetamu yang ditetapkan, semuanya terpujang kepada kita sama ada ingin menjemput sedikit atau ramai tetamu.

Seterusnya adalah mengemas rumah yang mana ia sememangnya aktiviti yang sering kita lakukan.

Tapi untuk rumah terbuka, kita perlu letakkan lebih usaha untuk memastikan rumah agar lebih bersih ditambah lagi dengan wangi-wangian yang menyegarkan.

Berkenaan makanan, menempah makanan melalui katering sememangnya lebih pantas dan mudah untuk diuruskan.

Tetapi jika kita terikat dengan bajet kecil, masak sendiri lebih menjimatkan. Walaupun memenatkan tetapi kita akan rasa lebih puas dengan usaha sendiri.

Tujuan sebenar rumah terbuka adalah untuk merapatkan silaturahim di antara keluarga dan sanak saudara serta sahabat handai.

Jadi, pastikan, menganjurkan rumah terbuka yang meriah dan lengkap dengan segala keperluan penting, barulah tetamu pulang dengan perut yang kenyang dan senyuman.

RUMAH terbuka merapatkan silaturahim antara keluarga dan sanak saudara serta sahabat handai (atas kiri, kiri dan kanan).



Bersama meningkatkan bekalan darah negara

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa bekalan darah di Pusat Pendermaan Darah dan Tabung-Tabung Darah di seluruh negara adalah di tahap yang rendah.

Penderma darah bagi semua kumpulan darah adalah diperlukan dengan segera bagi menampung keperluan pemindahan darah di kesemua hospital di negara ini.

Sehubungan ini, Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal dengan kerjasama Persatuan Sainstis Makmal Perubatan Brunei Darussalam akan mengadakan kempen 'Berhari Raya Sambil Menderma Darah' pada Khamis, 3 April 2025 dan Sabtu, 5 April 2025 pada jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1:30 petang hingga 4.00 petang di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen tersebut dan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan stok darah di negara ini.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi kempen derma darah adalah sangat digalakkan.



RAIKAN AIDILFITRI BERSAMA CETUSKAN SEMANGAT PERPADUAN, KEBERSAMAAN



SYAHIDAH Sahin binti Erwin dan suami, Muhammad Qusayri bin Alimuddin, berasal dari Medan, Sumatera Utara, Indonesia.

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim

Foto : Ihsan Angie Magdalene Linggi Teo, Syahidah Sahin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 April. - Kesempatan merayakan Aidilfitri di Istana Nurul Iman sememangnya satu pengalaman istimewa dan merupakan majlis indah penuh dengan kegembiraan dan tradisi.

Dalam pendekatan bersama Pelita Brunei, Dayang Angie Magdalene Linggi Teo dari Kampung Petani, Daerah Tutong, menyatakan peluang berhari raya ke Istana Nurul Iman ini juga merupakan satu penghormatan

baginya.

"Suasana yang unik, kemegahan istana, dengan seni bina yang menakjubkan dan hiasan yang indah, mewujudkan suasana yang unik dan perayaan yang terasa ajaib. Bau makanan tradisional yang lazat memenuhi udara dan hiruk-pikuk ketawa dan muzik menjadikan persekitaran nampak meriah. Kepentingan kebudayaan, sebagai bahagian penting dalam budaya kita, melambangkan perpaduan dan



ANGIE Magdalene Linggi Teo dari Kampung Petani, Daerah Tutong semasa bergambar ramai.

kegembiraan," ujarnya.

Katanya lagi, berkunjung ke Istana Nurul Iman juga merupakan masa bagi keluarga dan rakan-rakan datang bersama-sama untuk mengambil bahagian dalam perayaan dan menghormati tradisi di negara ini.

"Saya juga seronok untuk bertemu semula dengan rakan-rakan lama dan berkongsi cerita yang menyentuh hati sambil menikmati makanan lazat. Beraya di Istana Nurul Iman adalah lebih

daripada sekadar perayaan, ia adalah peluang untuk berhubung semula dengan orang tersayang dan mencipta kenangan yang abadi. Kehangatan dan persahabatan yang dirasakan pada masa ini benar-benar istimewa," katanya lagi.

Meskipun tidak menyambut Hari Raya Aidilfitri, namun bagi Angie Magdalene, beraya di Istana Nurul Iman adalah pengalaman berharga yang menyoroti keindahan warisan negara dan kepentingan

masyarakat di negara ini.

Kemeriahan berhari raya ke istana terbuka juga dirasakan oleh pasangan suami isteri dari Republik Indonesia yang kebetulan berhari raya di negara ini.

Syahidah Sahin binti Erwin dan suami, Muhammad Qusayri bin Alimuddin, berasal dari Medan, Sumatera Utara, Indonesia menjelaskan ini merupakan kali pertama berkunjung ke Negara Brunei Darussalam dan melahirkan rasa syukur kerana berpeluang menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja.

"Masyaallah, Alhamdulillah saya sangat gembira kerana diberi rezeki dan berpeluang merasakan ziarah di Istana Nurul Iman dan bersalaman dengan kerabat diraja," ujarnya.

Untuk berkunjung ke Istana, Syahidah Sahin memakai pakaian baju kurung manakala suaminya pula mengenakan pakaian cara melayu, yang merupakan pakaian tradisi di negara ini.

Peluang keemasan berkunjung ke Istana Nurul Iman

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Haniza Abdul Latif, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 April. - Keceriaan dan kerianan jelas terpancar di wajah para pengunjung yang berpeluang untuk mengadap dan menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta ahli kerabat diraja yang lain pada Hari Raya ketiga, iaitu hari kedua Istana Nurul Iman dibuka untuk kunjungan orang ramai bagi Majlis Junjung Ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama salah seorang pengunjung, Dayang Siti Norislamiah binti Abdullah dari Kampung Kiarong mengongsikan, kali pertama berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi Majlis Junjung Ziarah ialah semasa Hari Raya kedua, iaitu hari pertama Istana Nurul Iman dibuka.

Jelasnya, hari ini merupakan kali kedua beliau bersama tiga anak lelakinya berkunjung bagi majlis berkenaan memandangkan anak-anaknya berasa teruja dan gembira untuk mengadap serta menjunjung ziarah Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanalkhalid Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta ahli kerabat diraja yang lain.

Dayang Siti Norislamiah yang



DAYANG Nur Umie Ameerah binti Abdullah (atas), manakala gambar atas kiri, Dayang Siti Norislamiah binti Abdullah.

datang seawal jam 7.00 pagi juga berasa sangat teruja apabila mendengar khabar mengenai Istana Terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini setelah lima tahun ditiadakan sejak wabak COVID-19 melanda.

Beliau juga berpuas hati dengan kemudahan pengangkutan (*shuttle bus*) yang telah disediakan dan penyediaan makanan yang memuaskan, serta layanan mesra para petugas.

Sementara itu, Dayang Nur Umie Ameerah binti Abdullah semasa ditemui pula menjelaskan, ini merupakan kali pertama beliau dan tiga anak perempuannya berkunjung dan menjunjung ziarah di Istana Nurul Iman.

Dayang Nur Umie Ameerah turut melahirkan perasaan gembira dan teruja kerana berpeluang menjajack kaki ke Istana Nurul Iman dan sama-sama merasakan kemeriahan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Beliau juga menyifatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan seorang raja yang sangat prihatin kepada rakyat dan penduduk di negara ini, di samping berhati mulia menjemput rakyat dan penduduk untuk berkunjung ke istana bagi sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Menyentuh mengenai kemudahan yang disediakan bagi para pengunjung, beliau amat berterima kasih atas kemudahan-kemudahan berkenaan termasuk penyediaan bas-bas yang membawa mereka pergi dan datang ke istana.

Manakala, Awang Rayyan Adam bin Maswandi, 17 tahun, dari Kampung Bolkiah 'B' juga tidak melepaskan peluang berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi Majlis Junjung Ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Menurutnya, berhari raya ke istana sangat mengembirakan dan menyeronokkan bagi dirinya terutama apabila dapat bersua muka dan bersalaman Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta ahli kerabat diraja yang lain.

Beliau yang datang bersama saudara dan rakan-rakannya, Awang Md. Nur Raiqal Zikrullah bin Md. Irwan Alifullah, tujuh tahun; Awang Md. Zul Raihan Zikrullah Md. Irwan Alifullah, 10 tahun; Awang Md. Ali Hamzah bin Hamidun, 15 tahun; dan Awang Md. Qaziq Tassadaq Rasidik bin Ramli, 14 tahun; berkata, peluang untuk berujung ziarah ke Istana Nurul Iman tidak akan dilepaskan pada tahun-tahun akan datang kerana ia merupakan peluang keemasan untuk bersua muka bersama raja yang dikasihi.



AWANG Rayyan Adam bin Maswandi bersama saudara dan rakan-rakannya, Awang Md. Nur Raiqal Zikrullah bin Md. Irwan Alifullah, Awang Md. Zul Raihan Zikrullah Md. Irwan Alifullah, Awang Md. Ali Hamzah bin Hamidun dan Awang Md. Qaziq Tassadaq Rasidik bin Ramli.

JUNJUNG ZIARAH ISTANA NURUL IMAN KEMBALI MERIAH

Rencana dan Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

SETELAH beberapa tahun ditiadakan disebabkan pandemik COVID-19, Majlis Junjung Ziarah sempena Hari Raya Aidilfitri di Istana Nurul Iman telah dibuka semula untuk rakyat di negara ini bertemu dan bersua muka bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak

Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat diraja.

Pelita Brunei sempat menemu bual beberapa orang awam yang telah berkunjung ke Istana Nurul Iman pada sesi petang, hari kedua istana dibukakan untuk kunjungan rakyat, penduduk serta orang ramai.

Dayang Noor'Ain binti Majid wakil dari mantan askar wanita Persatuan Veteran ABDB (PERWIRA ABDB)

"Hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafak sembah dan menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta seluruh kerabat diraja yang dikasihi rakyat. Hari Raya Aidilfitri tahun ini amat bermakna dengan kembalinya tradisi junjung ziarah di Istana Nurul Iman setelah sekian lama ditiadakan. Sesungguhnya, ini adalah saat yang amat dinantikan oleh rakyat di negara ini untuk bertemu dan mengeratkan hubungan dengan raja yang dikasihi. Di kesempatan ini juga, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta kerabat diraja dan seluruh masyarakat di negara ini."

Rhea Mona Britania dari Kampung Jangsak.

"On this blessed occasion of Hari Raya Aidilfitri, I extend my sincere wishes to Your Majesty and your esteemed family. May this celebration bring joy, peace, and prosperity, and may Allah Subhanahu Wata'ala grant Your Majesty continued wisdom and strength in guiding the nation. Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin."

Awang Muhammad Iqbal Jabarullah bin Amraan serta keluarga dari Kampung Panaga, Kuala Belait.

"Kami sekeluarga dengan tulus ikhlas mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta seluruh kerabat diraja baginda. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melimpahkan rahmat, keafiatan serta keberkatan kepada baginda dan kerabat diraja."

Dayang Nur Farah Ain binti Mustapa dan anak-anak dari Kampung Bakut Pengiran Siraja Muda.

"Menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja. Sempena Hari Raya Aidilfitri yang penuh keberkatan ini, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta seluruh kerabat diraja sentiasa dilimpahi keberkatan, kesihatan, dan kesejahteraan di bawah lindungan Allah Subhanahu Wata'ala."

Awang Muhammad Nor Ridhwan bin Saran serta keluarga dari RPN Kampung Meragang.

"Dengan penuh hormat dan takzim, Hamba Kebawah Duli Tuan Patik merafak sembah setinggi-tinggi ucapan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta seluruh kerabat diraja. Hamba Kebawah Duli Tuan Patik serta keluarga mendoakan semoga Hari Raya ini membawa keberkatan, kebahagiaan, serta kesejahteraan berpanjangan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan kerabat diraja serta seluruh masyarakat di negara ini."

Rakhmania dan rakan dari Indonesia.

"Kami dengan penuh ikhlas ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja. Semoga Negara Brunei Darussalam semakin makmur dan sejahtera. Semoga baginda dan seluruh kerabat diraja sentiasa dalam lindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Thank you for the great hospitality."

Dayang Norfazilah binti Mustapa serta keluarga dari Kampung Rimba.

"Junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia kerana memberi peluang yang cukup bermakna bagi rakyat Brunei untuk mengunjungi Istana Nurul Iman sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, ia akan menjadi ristaan dan kenangan yang istimewa untuk kami dan anak-anak. Di kesempatan ini, kami juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja."



LAFAZ NIAT PUASA ENAM

نَوَيْتُ صَوْمَ سِتَّةِ أَيَّامٍ مِنْ شَوَّالٍ
سُنَّةً لِلَّهِ تَعَالَى

"sahaja aku puasa enam hari dalam bulan Syawal
sunat kerana Allah Ta'ala"

Puasa enam banyak kelebihan, imbangan mengerjakannya

Oleh : Aimi Sani

Ilustrasi : Seksyen Reka Kreatif, Bahagian Pelita Brunei

RAMADAN telah berlalu, namun masih banyak amalan utama yang dianjurkan untuk dilakukan pada bulan Syawal. Dengan kedatangan bulan Syawal, umat Islam bukan saja berpeluang meraikan kemenangan ibadah puasa di bulan Ramadan tetapi juga berpeluang untuk menambah satu lagi bentuk ibadah sunat yang dijanjikan ganjaran yang besar oleh Allah Subhanahu Wata'ala iaitu puasa enam di bulan Syawal.

Umat Islam boleh mula puasa seawal 2 Syawal kerana pada 1 Syawal adalah merupakan Hari Raya Aidilfitri dan kita dilarang untuk puasa pada hari tersebut. Puasa enam di bulan Syawal ialah puasa sunat yang dikerjakan sebanyak enam hari di bulan Syawal setelah selesai menjalani kewajipan ibadah puasa di bulan Ramadan. Puasa enam boleh dikerjakan secara berselang-seli atau berturut-turut mengikut keselesaan masing-masing di sepanjang bulan Syawal. Walau bagaimanapun, yang afdalnya dikerjakan secara berturut-turut selepas Hari Raya, iaitu mulai Hari Raya kedua kerana menyegerakan melaksanakan

ibadat.

Ibadat puasa enam ini sunat dilakukan oleh orang-orang yang berpuasa sebulan penuh di bulan Ramadan dan bagi orang yang tidak berpuasa Ramadan sebulan penuh disebabkan keuzuran yang diharuskan oleh syarak seperti haid dan nifas, musafir atau sakit. Bagi orang yang meninggalkan puasa Ramadan dengan sengaja pula, wajib ke atasnya menyegerakan qada puasa Ramadan yang ditinggalkannya itu dan haram ke atasnya melakukan puasa-puasa sunat termasuklah puasa enam kecuali setelah dia selesai mengqada puasanya.

Al-Imam Muslim telah meriwayatkan dalam sebuah hadis daripada Abu Ayyub Al-Anshari Radhiallahuanhu bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa berpuasa penuh di bulan Ramadan lalu menyambung dengan puasa enam hari di bulan Syawal, maka pahalanya seperti ia berpuasa selama setahun*".

Al-Imam Al-Bazzar juga ada meriwayatkan hal yang sama daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu

Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa berpuasa Ramadan kemudian disambung dengan enam hari di bulan Syawal, maka ia bagaikan telah berpuasa selama setahun*".

Apabila kita berpuasa enam hari di bulan Syawal selepas berpuasa Ramadan pahalanya adalah menyamai pahala puasa setahun penuh. Ini adalah kerana setiap kebaikan akan dibalas dengan ganjaran pahala 10 kali ganda. Perkara ini telah dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ibnu Majah bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "*Barang siapa yang berpuasa enam hari di bulan Syawal, maka ia seolah-olah berpuasa setahun penuh. Barang siapa yang mengerjakan kebaikan, maka dia mendapat pahala 10 kali ganda*".

Kita perlu memahami dengan apa yang dimaksudkan dengan puasa sepanjang tahun itu bukan terletak kepada puasa enam hari di bulan Syawal dengan meninggalkan puasa Ramadan tetapi kelebihan puasa setahun itu diperoleh setelah dilengkapi puasa Ramadan dan disambung dengan puasa enam hari di bulan Syawal.

Sebagaimana yang diketahui semua amalan sunat adalah sebagai penampal

mana-mana kekurangan dalam amalan fardu. Oleh yang demikian, haruslah kita mengambil peluang ini untuk berpuasa enam di bulan Syawal, selain mendapat pahala puasa setahun, kita juga dapat memperbaiki kekurangan dalam ibadah puasa bulan Ramadan. Antara hikmah dan manfaat puasa enam hari di bulan Syawal ialah sebagai pelengkap dan penyempurna pahala daripada puasa setahun penuh, setelah menunaikan puasa Ramadan.

Antara kelebihan juga adalah untuk menutupi kekurangan puasa wajib pada bulan Ramadan, sebab puasa yang kita lakukan pada bulan Ramadan pasti tidak terlepas daripada kekurangan atau dosa yang dapat mengurangi keutamaannya. Pada hari kiamat kelak akan diambil pahala puasa sunat tersebut untuk menutup kekurangan puasa wajib.

Demikianlah antara hikmah berpuasa enam hari pada bulan Syawal. Justeru itu, umat Islam perlu merebut peluang ini kerana hikmah berpuasa enam hari pada bulan Syawal itu banyak sekali. Semoga Allah menerima amalan kita semua pada bulan Ramadan dan memudahkan kita untuk melaksanakan ibadah puasa enam hari pada bulan Syawal ini dengan sempurna.

SEKURANG-KURANGNYA 7 MAUT PUTING BELIUNG LANDA MIDWEST, SELATAN AS



HOUSTON, 4 April. - Sekurang-kurangnya tujuh orang maut dan 13 lagi cedera selepas puluhan puting beliung melanda kawasan di Midwest dan Selatan Amerika Syarikat (AS) sejak Rabu malam, menurut pihak berkuasa tempatan pada Khamis, lapor Xinhua.

kematian disahkan di Tennessee, satu di Missouri dan satu lagi di Indiana, menurut laporan media tempatan.

Arkansas, Missouri dan Tennessee antara kawasan yang terjejas teruk, dengan penduduk menggambarkan kemusnahan apabila puting beliung menerbangkan bumbung rumah

ke udara.

Setakat 1.40 tengah hari Waktu Tengah pada Khamis, puting beliung itu telah menyebabkan lebih 210,000 isi rumah dan premis perniagaan dari Texas, Mississippi, Ohio dan Indiana terputus bekalan elektrik, menurut powerOutage.us, penjejak gangguan bekalan elektrik di AS.

Ketika ribut kuat bergerak ke arah timur, lebih 3.6 juta penduduk

di beberapa negeri di Midwest dan selatan AS berada di bawah amaran banjir kilat. - ©BERNAMA

Kanada elak kesan penuh tarif baharu Trump

TRENTON (Kanada), 3 April. - Kanada berjaya mengelak kesan penuh daripada tarif yang dikenakan oleh Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump pada Rabu, namun impaknya masih cukup besar sehingga menjejaskan jutaan rakyat negara itu, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Walaupun Kanada mengelak tarif 10 peratus ke atas barangan di bawah Perjanjian Amerika Syarikat - Mexico - Kanada (USMCA), tetapi barangan lain yang tidak dilindungi perjanjian itu akan dikenakan tarif 25 peratus dikenakan tarif 10 peratus.

Selain itu, tarif 25 peratus ke atas import kereta asing dijangka berkuat kuasa pada 12.01 tengah malam Khamis. Tarif 25 peratus ke atas keluli dan aluminium Kanada juga kekal berkuat kuasa.

Walaupun Kanada dan Mexico nampaknya terselamat daripada kesan paling teruk tarif yang diumumkan Trump pada 'Liberation Day', kesannya tetap dirasai dan Perdana Menteri Kanada Mark Carney berikrar untuk bertindak balas.

"Kami akan menentang tarif ini (dan) kami akan membina ekonomi terkuat dalam G7," kata Carney dalam sidang media

sebelum menghadiri mesyuarat jawatankuasa kabinet mengenai hubungan Kanada-AS.

Namun, beliau mengakui kesan negatif terhadap Kanada yang tidak dapat dielakkan. Carney berkata Trump telah mengubah keadaan di seluruh dunia secara drastik.

"(Trump) telah mengubah sistem perdagangan antarabangsa secara asas." Carney dijangka mengumumkan maklum balas lebih terperinci selepas bertemu dengan pemimpin 10 provinsi dan tiga wilayah Kanada pada Khamis. - ©BERNAMA

Gangguan bekalan elektrik jejas beberapa bandar utama Syria

DAMSYIK, 2 April. - Gangguan bekalan elektrik berskala besar melanda kebanyakan bandar utama Syria pada Selasa malam, menyebabkan penduduk terpaksa bergelap, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Ketua Pengarah Perbadanan Awam Pemindahan dan Pengagihan Elektrik, Khaled Abu Di, memberitahu agensi berita rasmi Syria (SANA) bahawa gangguan elektrik di seluruh

negara itu berpunca daripada kegagalan teknikal dalam sistem elektrik.

Beliau berkata usaha sedang giat dijalankan untuk membaiki kerosakan dan memulihkan bekalan elektrik secepat mungkin.

Penduduk di Aleppo memberitahu dpa bahawa bekalan elektrik terputus di seluruh bandar itu dan kawasan luar bandar sekitarnya.

Gangguan serupa turut

dilaporkan di Homs, Hama dan ibu negara Damsyik, dengan kebanyakan kawasan perumahan yang bergantung kepada grid elektrik kerajaan mengalami tegah liputan.

Insiden ini berlaku sehari selepas gangguan bekalan elektrik sepenuhnya menjejaskan Wilayah Daraa dan Sweida di selatan Syria susulan kecurian talian kuasa voltan tinggi. - ©BERNAMA

Korea Selatan sasar pasaran ubat haiwan cecah AS\$2.7 bilion menjelang 2035

SEOUL, 2 April. - Korea Selatan berhasrat untuk meningkatkan saiz pasaran ubat haiwan kepada 4 trilion won (AS\$2.7 bilion) menjelang 2035 sebagai sebahagian daripada usaha memacu pertumbuhan baharu dalam ekonomi, menurut Kementerian Pertanian, Makanan dan Hal Ehwai Luar Bandar pada Rabu.

Menurut Agensi Berita Yonhap, kerajaan juga menyasarkan untuk meningkatkan eksport produk perubatan veterinar negara itu sebanyak lima kali ganda kepada 1.5 trilion won serta mewujudkan 15 syarikat farmaseutikal haiwan dengan pendapatan tahunan sekurang-kurangnya 50 bilion won setiap satu dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Kementerian itu berkata pelan berkenaan dirangka susulan permintaan global yang semakin

meningkat terhadap produk farmaseutikal haiwan, didorong oleh peningkatan pemilikan haiwan peliharaan, penggunaan produk ternakan dan penyakit berjangkit dalam kalangan haiwan.

Bagi mencapai matlamat ini, kerajaan akan melaksanakan projek penyelidikan dan pembangunan (R&D) berskala besar untuk memperoleh teknologi teras yang penting bagi pembangunan ubat haiwan baharu, termasuk vaksin untuk penyakit haiwan berjangkit.

Ia juga merancang untuk memperluas infrastruktur bagi industri farmaseutikal haiwan serta melaksanakan langkah-langkah bagi meningkatkan kualiti dan keselamatan ubat veterinar selain mempercepatkan pembangunan ubat baharu.

Kementerian itu berkata ia akan mengusahakan penggubalan

undang-undang khas bagi memperkasa industri berkenaan.

Bagi memperluaskan eksport, kementerian merancang untuk menambah baik garis panduan amalan pembuatan baik (GMP) bagi ubat veterinar agar selaras dengan piawai global, selain berusaha menyertai Skim Kerjasama Pemeriksaan Farmaseutikal Antarabangsa menjelang 2038 sebagai sebahagian daripada usaha menembusi pasaran Amerika dan Eropah.

"Kementerian akan berusaha untuk memupuk pertumbuhan industri ubat haiwan dalam jangka sederhana dan panjang bagi menjadikannya sebagai pemacu pertumbuhan baharu kepada ekonomi," kata Menteri Pertanian, Makanan dan Hal Ehwai Luar Bandar Song Mi-ryung. - ©BERNAMA

Juruterbang maut dalam nahas pesawat Tentera Udara India

NEW DELHI, 3 April. - Seorang juruterbang terbunuh apabila sebuah pesawat Jaguar dua tempat duduk milik Tentera Udara India terhempas di negeri Gujarat pada Rabu.

Pesawat itu berlepas dari lapangan terbang Jamnagar untuk menjalankan misi malam.

"Para juruterbang menghadapi masalah teknikal dan mengaktifkan kerusi lenting, mengelakkan bahaya kepada lapangan terbang dan penduduk tempatan.

Malangnya, seorang juruterbang meninggal dunia akibat kecederaannya manakala seorang lagi sedang menerima rawatan di sebuah hospital di Jamnagar", menurut tentera udara dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tentera Udara India kehilangan sebuah pesawat Jaguar bulan lepas di utara negeri Haryana akibat kerosakan sistem semasa latihan rutin. - ©BERNAMA

Xi, Murmu ucap tahniah sempena sambutan ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik China-India

BEIJING, 2 April. - Presiden China, Xi Jinping dan rakan sejawatnya dari India, Droupadi Murmu, bertukar perutusan tahniah sempena sambutan ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik antara China dan India, pada Selasa.

Xi berkata China dan India adalah tamadun kuno, negara membangun besar, dan anggota penting dalam 'Selatan Global', dan kini berada di fasa penting dalam pembangunan modenisasi masing-masing.

Perkembangan hubungan China-India membuktikan bahawa kedua-dua negara ini menjadi rakan yang saling membantu dan mewujudkan 'Tarian Bersama Naga-Gajah' adalah pilihan betul, kerana ia selaras dengan kepentingan asas kerajaan dan rakyat kedua-dua negara, kata Xi.

Beliau berkata China dan India seharusnya memandang dan mengendalikan hubungan dua hala daripada tahap strategik dan perspektif jangka masa panjang, mencari hubungan negara jiran besar yang wujud bersama secara damai, saling percaya, sama menangi, dan membangun bersama, sekali gus mendorong multipolarisasi dunia dan pendemokrasian hubungan antarabangsa.

Xi juga mengatakan bahawa beliau bersedia bekerjasama dengan Murmu, mengambil peluang daripada sambutan ulang tahun ke-75 hubungan diplomatik untuk meningkatkan kesalingpercayaan strategik, memperkasakan pertukaran dan kerjasama dalam pelbagai bidang, mempergiat komunikasi dan koordinasi dalam isu antarabangsa yang penting, bersama-sama memelihara kedamaian dan keamanan di kawasan sempadan China-India, mendorong hubungan kedua-dua negara berkembang maju dengan sihat dan mantap serta menyumbang kepada kemakmuran dunia.

Murmu mengatakan bahawa India dan China merupakan negara jiran besar dan mempunyai satu pertiga daripada jumlah populasi global. Hubungan dua hala yang mantap, boleh dijangka dan bersahabat akan membawa kesejahteraan kepada kedua-dua negara bahkan dunia.

Beliau turut menzahirkan kesediaannya untuk mengambil peluang daripada tahun bermakna ini untuk mendorong hubungan antara India dan China berkembang secara sihat dan mantap. - ©BERNAMA

Angka korban gempa bumi Myanmar meningkat melebihi 2,800 orang

YANGON, 2 April. - Angka korban akibat gempa bumi bermagnitud 7.9 yang melanda Myanmar pada Jumaat lepas, meningkat kepada 2,886 orang, dengan 4,639 cedera dan 373 lagi masih hilang, menurut pasukan penerangan Majlis Pentadbiran Negara pada Rabu, lapor Xinhua.

Presiden Persatuan Palang Merah Myanmar, Myo Nyunt, memberitahu Xinhua bahawa cabaran utama dalam operasi menyelamatkan ketika ini termasuk penilaian bencana dan penyelarasan logistik.

Beliau berkata pasukan penyelamat menghadapi kesukaran besar untuk mengagihkan bekalan bantuan berikutan kebimbangan keselamatan di kawasan terjejas, selain kekurangan jentera berat yang amat diperlukan. - ©BERNAMA



HU KAI LANGKAH KANAN PADA PEMBUKAAN MUSIM PIALA DUNIA ISSF

BUENOS AIRES, 4 April. - Hu Kai memulakan musim 2025 pasukan menembak China itu dengan aksi cemerlang selepas merangkul emas dalam perlawanan akhir 10 meter pistol angin lelaki pada perlawanan pembukaan Piala Dunia ISSF pada Khamis. Hu, yang berusia 23 tahun pada Khamis, kedudukan ketiga dengan 587-23x sebelum mendominasi perlawanan akhir dengan 244.7 mata, mengatasi pemain Rusia Anton Aristarkhov (243.3) dan Jason Solari dari Switzerland (223.0), yang merangkul gangsa selepas penentuan penalti menentang Christian Reitz dari Jerman.

Penembak muda itu mempamerkan konsistensi, mendominasi perlawanan melalui pusingan penyingkiran sebelum memastikan kemenangan dengan siri akhir yang tersusun untuk memastikan gelaran Piala Dunia pertamanya. Dia menyifatkan emas itu sebagai hadiah yang sempurna. "Ia memberi saya keyakinan dan motivasi untuk bekerja lebih keras pada masa hadapan," katanya.

Valeriy Rakhimzhan dari Kazakhstan mendahului kelayakan dengan 587-24x, diikuti oleh juara Olimpik China Xie Yu (587-24x) dan Hu.



HU Kai memenangi pingat emas pada perlawanan akhir 10 meter pistol angin lelaki pada perlawanan pembukaan Piala Dunia ISSF.

Walau bagaimanapun, Xie, yang bersaing sebagai atlet Kedudukan Mata Sahaja (RPO), tidak mara ke final. Kemenangan Hu mengakhiri persembahan kukuh dalam ujian kebangsaan, di mana dia mendahului kedudukan keseluruhan untuk mengatasi Xie ke tempat kedua - menghasilkan status RPO Xie di Buenos Aires.

Pertandingan disambung semula pada hari Jumaat dengan perlawanan akhir rifle 50 meter lelaki dan wanita. - ©XINHUA

Pandelela terlepas slot final Piala Dunia di Mexico

KUALA LUMPUR, 4 April. - Ratu terjun negara Datuk Pandelela Rinong terlepas slot *final* 10 meter (m) platform individu wanita selepas menamatkan saingan di tempat ke-13 pusingan kelayakan Piala Dunia Terjun 2025 di Guadalajara, Mexico semalam.

Pandelela yang membuat penampilan pertamanya selepas kali terakhir beraksi di pentas kompetitif Terbuka Malaysia pada November tahun lepas, mengumpul 267.85 mata untuk menduduki tempat ke-13, ketinggalan 7.30 mata di belakang penerjun Sepanyol Valeria Antolino di tempat ke-12 dengan 275.15 mata.

Hanya 12 penerjun layak ke peringkat akhir.

Penerjun China Quan Hongchan dan Chen Yuxi mendominasi dua kedudukan teratas dengan masing-masing mengumpul 390.40 dan 373.65 mata.

Sementara itu, penerjun lelaki negara Enrique Harold akan turun beraksi dalam pusingan kelayakan 10m platform lelaki individu pada Sabtu.

Piala Dunia Terjun 2025 seterusnya akan berlangsung di Windsor, Kanada pada 10 hingga 13 April dan diikuti Beijing, China pada 2 hingga 4 Mei. - ©BERNAMA

Tidur sebentar strategi Nor Farah takluk dunia

KUALA LUMPUR, 3 April. - Setiap atlet mempunyai strategi tersendiri bagi meningkatkan prestasi sebelum beraksi, termasuk ratu boling padang negara Nor Farah Ain Abdullah.

Nor Farah, yang muncul juara dunia tahun lepas, berkata amalan tidur sebentar atau *power naps* sebelum bertanding merupakan antara faktor yang membantunya mengekalkan kecergasan dan fokus sepanjang kejohanan.

"Saya biasanya tidur sebentar sekitar 15 minit untuk mengembalikan tenaga. Selepas bangun, saya akan melakukan regangan sebelum bersedia untuk bertanding," katanya kepada Bernama ketika ditemui baru-baru ini.

Menurut Nor Farah, amalan itu bermula secara tidak sengaja ketika menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) Kuala Lumpur 2022 apabila dia tertidur akibat keletihan. Tanpa disangka, tindakan itu memberi kesan positif terhadap tumpuannya semasa bertanding, menjadikannya rutin wajib sebelum setiap perlawanan.

"Saya boleh tidur di mana-mana sahaja, sama ada di kerusi atau bilik persalinan. Saya hanya perlu menutup muka cukup dan tak perlu lama (untuk tidur)... cukup sekitar 15 minit," kata anak bongsu daripada enam beradik itu.

Menurut Nor Farah, ketua jurulatih kebangsaan Zuraidi Puteh turut menyedari rutin itu tetapi tidak menghalang selagi ia membantu prestasinya di gelanggang.

Amalan tidur sebentar sebelum perlawanan bukanlah sesuatu yang asing dalam dunia sukan. Legenda snuker Britain, Ronnie O'Sullivan, dan pelari pecut tersohor Jamaica, Usain Bolt, turut dilaporkan mengamalkannya bagi meningkatkan fokus dan tenaga.

Kajian dalam bidang sains sukan juga menunjukkan bahawa tidur singkat sebelum aktiviti fizikal dapat membantu meningkatkan daya reaksi, kejelasan mental dan ketahanan fizikal.

Nama Nor Farah mula mencuri perhatian selepas memenangi pingat emas dalam acara individu wanita di Kejohanan Boling Padang Dalam Dewan Dunia 2024 di Guernsey, Channel Islands. Awal bulan lepas, atlet kelahiran Kuala Selangor itu terus mengharumkan nama Malaysia apabila mencipta sejarah sebagai pemain nombor satu dunia.

Ketika ini, Nor Farah sedang giat melakukan persiapan menghadapi Kejohanan Boling Padang Dalam Dewan Dunia 2025 di Aberdeen, Scotland, dari 20 hingga 25 April, dengan sasaran mempertahankan gelarnya. - ©BERNAMA

Harimau Malaya kini ranking ke-131 dunia

KUALA LUMPUR, 3 April. - Harimau Malaya mencatat peningkatan dalam *ranking* dunia Persekutuan Bolasepak Antarabangsa (FIFA) dengan naik satu anak tangga kepada kedudukan ke-131 dunia berdasarkan kemas kini terkini, hari ini.

Menurut laman rasmi FIFA (www.fifa.com), skuad kendalian Peter Cklamovski kini mengumpul 1,123.57 mata daripada kedudukan ke-132 yang diduduki sejak 19 Disember tahun lepas.

Kenaikan ini didorong oleh kemenangan 2-0 Malaysia menewaskan Nepal dalam aksi pembukaan Kumpulan 'F' kempen kelayakan Piala Asia 2027 di

Stadium Sultan Ibrahim, Iskandar Puteri, Johor pada 25 Mac lepas.

Selepas ini, Harimau Malaya akan melayan kunjungan Viet Nam pada 10 Jun, sebelum bertandang ke Laos pada 9 Oktober dengan kemas kini ranking seterusnya dijadualkan pada 10 Julai.

Namun, Malaysia sebenarnya masih ketinggalan di belakang beberapa pencabar serantau dengan Thailand di tangga ke-99, Viet Nam (109) dan Indonesia (123).

Argentina yang merupakan juara Piala Dunia 2022 terus menguasai carta di kedudukan nombor satu diikuti Sepanyol, Perancis, England dan Brazil. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

JABATAN Muzium-Muzium telah diperuntukkan dengan satu akta yang dikenali sebagai Akta Barang-Barang Purbakala dan Harta Terpendam, 1967, edisi semakan 1984, 1990, 2002.

Pencalonan monumen dan tapak bersejarah adalah atas sokongan Lembaga Muzium dan mesti memenuhi empat kriteria iaitu mempunyai nilai sejarah dan berusia lebih 50 tahun; mempunyai seni bina yang unik; mempunyai nilai budaya dan pembelajaran, dan mempunyai nilai ekonomi jika dimajukan.

SUMBER : <http://www.museums.gov.bn/>.